

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Pelan Easi-Payment UOB. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma dan syarat

UOB MALAYSIA**Pelan Easi-Payment UOB****17 Julai 2023****1. Apakah Pelan Easi-Payment UOB?**

Pelan Easi-Payment UOB membolehkan anda menukar transaksi runcit pilihan anda, secara tunggal atau gabungan sehingga maksimum 5 transaksi runcit yang belum dibilkan kepada ansuran bulanan.

2. Apakah yang boleh saya peroleh dari produk ini?

Anda boleh menguruskan perbelanjaan dengan menukar beberapa transaksi runcit pada kad kredit UOB Malaysia anda menjadi ansuran bulanan yang mampu dibayar.

Selepas Pelan Easi-Payment UOB diluluskan, anda akan dicaj kadar faedah yang dipersetujui pada tarikh kelulusan bagi sepanjang tempoh bayaran tanpa mengira pindaan berikutnya ke atas kadar faedah Pelan Easi-Payment UOB yang ditawarkan.

Kadar faedah rata	Kadar faedah efektif (untuk tujuan perbandingan sahaja)	Tempoh
Sehingga 8.15% setahun	Sehingga 14.94% setahun bergantung pada kadar faedah rata & tempoh yang dipohon	12, 24, 36, 48 atau 60 bulan

Jumlah pembelian minimum yang layak untuk penukaran di bawah Program ialah RM500 untuk satu transaksi runcit dan/atau jumlah minimum agregat sebanyak RM500 secara keseluruhan untuk **maksimum 5 transaksi runcit yang belum dibil**, dan jumlah maksimum tertakluk kepada had kredit sedia ada anda mengikut budi bicara UOB Bank.

Pelan Easi-Payment UOB dikira menggunakan kadar faedah rata, yang bermaksud jumlah ansuran bulanan anda (dengan faedah) kekal tidak berubah sepanjang tempoh pembayaran balik. Faedah bulanan kekal tidak berubah dan akan dipaparkan dalam penyata bil bulanan anda.

Kadar faedah efektif digunakan hanya untuk tujuan perbandingan. Ia tidak digunakan untuk mengira pelan ansuran anda. Kadar faedah efektif digunakan untuk mengira faedah berdasarkan baki tertunggak yang berkurangan setiap bulan. Faedah bulanan tidak tetap, tetapi jumlah faedah sepanjang tempoh pembayaran balik adalah sama dengan jumlah yang menggunakan kadar faedah rata.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan UOB Easi-Payment Plan dikira sebagai,

i) Pelan Kadar Faedah Pendahuluan

jumlah amaun yang ditukar dibahagikan dengan tempoh pinjaman.

$$\text{Bayaran Ansuran} = \frac{\text{Jumlah amaun yang ditukar kepada ansuran}}{\text{Tempoh Pelan Easi-Payment UOB}}$$

Selepas Pelan Easi-Payment UOB diluluskan, faedah pendahuluan sebanyak 2.99% akan dikenakan berdasarkan jumlah pembelian yang ditukar dan tempoh ansuran yang dipilih. Caj ini akan dibilkan, didebitkan dan dipaparkan dalam penyata bulanan kad kredit anda bersama-sama dengan bayaran ansuran bulanan pertama pada tarikh pengiriman Pelan Easy-Payment UOB yang diluluskan.

ii) Pelan Kadar Faedah Rata

Komponen prinsipal dan faedah yang dikenakan kepada Ahli Kad setiap bulan adalah sama sepanjang Tempoh Ansuran EPP.

Ansuran bulanan Pelan Easi-Payment UOB untuk bulan akhir mungkin berbeza-beza. Disebabkan ketepatan pembundaran, jumlah Ansuran Bayaran Akhir yang dijana adalah sama dengan jumlah prinsip tertunggak, dengan itu jumlah keseluruhan bayaran ansuran bulanan Pelan Easi-Payment UOB adalah sama dengan jumlah keseluruhan yang ditukar termasuk bayaran faedah yang berkenaan.

Sebarang pembayaran awal atau lebih tidak akan mengurangkan Prinsipal Tertunggak atau ansuran bulanan Pelan Easi-Payment UOB yang berikutnya dan hanya akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan oleh pihak Bank.

Anda tidak akan layak mendapat sebarang mata ganjaran dan/atau rebat tunai daripada Pelan Easi-Payment UOB.

Ilustrasi pengiraan ansuran bulanan Pelan Easi-Payment UOB:

i) Pelan Kadar Faedah Pendahuluan

Ahli Kad memilih Amaun EPP RM600 untuk tempoh 6 bulan dengan kadar faedah EPP yang sepadan sebanyak 2.99%. Di bawah Program ini, Ansuran Bulanan EPP yang perlu dibayar selama 6 bulan ialah RM100.00

BULAN	Prinsipal Tertunggak	Pembayaran Balik Prinsipal	Pembayaran Balik Faedah
1	600.00	100.00	17.94
2	500.00	100.00	-
3	400.00	100.00	-
4	300.00	100.00	-
5	200.00	100.00	-
6	100.00	100.00	-
Jumlah		600.00	17.94

ii) Pelan Kadar Faedah Rata

Ahli Kad memilih Amaun EPP RM6,000 untuk tempoh 12 bulan dengan kadar faedah rata yang sepadan sebanyak 3.99% setahun. Di bawah Program ini, Ansuran Bulanan EPP yang perlu dibayar selama 12 bulan ialah RM500.00 dan jumlah bayaran balik pada akhir 12 bulan ialah RM6,239.40.

BULAN	Prinsipal Tertunggak	Pembayaran Balik Prinsipal	Pembayaran Balik Faedah	Ansuran Bulanan
1	6,000.00	500.00	19.97	519.97
2	5,500.00	500.00	19.97	519.97
3	5,000.00	500.00	19.97	519.97
4	4,500.00	500.00	19.97	519.97
5	4,000.00	500.00	19.97	519.97
6	3,500.00	500.00	19.97	519.97
7	3,000.00	500.00	19.97	519.97
8	2,500.00	500.00	19.97	519.97
9	2,000.00	500.00	19.97	519.97
10	1,500.00	500.00	19.97	519.97
11	1,000.00	500.00	19.97	519.97
12	500.00	500.00	19.97	519.97
Jumlah		6,000.00	239.40	6,239.40

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Tiada fi dan caj akan dikenakan kecuali anda gagal mematuhi jadual pembayaran atau membuat penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Sila lihat Nota 5 & 6 untuk maklumat lanjut.

5. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi kewajipan pembayaran saya?

Ansuran Pelan Easi-Payment UOB merupakan sebahagian daripada Bayaran Bulanan Minimum yang anda perlu jelaskan pada atau sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat. Pembayaran ansuran Pelan Easi-Payment UOB dibilkan ke akaun kad kredit setiap bulan, sama seperti transaksi runcit biasa dan tertakluk kepada Caj Kewangan biasa jika anda membuat pembayaran kurang daripada baki tertunggak pada penyata bulanan semasa atau dahulu sebelum Tarikh Bayaran Perlu Dibuat.

Jika anda gagal membuat pembayaran penuh ansuran bulanan Pelan Easi-Payment selama empat (4) bulan berturut-turut atau lebih, kesemua jumlah tertunggak dan terhutang di bawah Pelan Easi-Payment UOB, yang termasuk jumlah bayaran ansuran bulanan Pelan Easi-Payment UOB yang belum dijelaskan dan jumlah prinsipal yang belum dibilkan bagi Pelan Easi-Payment UOB serta caj kewangan yang dikenakan di bawah Pelan Easi-Payment UOB, akan menjadi tertunggak dan perlu dijelaskan, yang mana kami berhak menuntut bayaran penuh daripada anda.

6. Bagaimanakah jika saya menjelaskan sepenuhnya Ansuran Pindahan Baki sebelum tempoh matang?

Tertakluk kepada kelulusan UOB Malaysia, anda boleh pada bila-bila masa membatalkan Pelan Easi-Payment UOB anda atau memilih untuk membuat penyelesaian awal bagi Amaun Pelan Easi-Payment UOB.

Selepas pembatalan atau penamatan awal tersebut, caj sehingga 5% daripada prinsipal tertunggak akan perlu dibayar oleh Ahli Kad yang menyertai Program dan jumlah tersebut akan dibilkan terus ke akaun kad kredit anda.

7. Apakah risiko utama yang terlibat?

- Sila rujuk kepada no. 5 bagi kegagalan memenuhi kewajipan pembayaran
- Jika anda menghadapi sebarang masalah membayar Pelan Easi-Payment UOB, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan pilihan kaedah pembayaran balik yang lain.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Sila hubungi Pusat Panggilan UOB Malaysia di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching) atau 088-477 121 (Kota Kinabalu) jika anda perlu menukar butiran perhubungan anda.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Hubungi Pusat Panggilan UOB di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881 121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), atau 088-477 121 (Kota Kinabalu) untuk meminta maklumat lanjut mengenai Pelan Easi-Payment UOB

ATAU

Untuk terma dan syarat lengkap, lawati laman web UOB Malaysia kami di <http://www.UOB.com.my>

ATAU

Untuk mendapatkan bantuan dan penyelesaian:

Anda boleh menghubungi kami jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami atau jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik. Anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain.

Tel:	<ul style="list-style-type: none">• 03-26128 121 (KL)• 04-2401 121 (Pulau Pinang)• 07-2881 121 (JB)• 082-287 121 (Kuching)• 088-477 121 (Kota Kinabalu)
E-mel:	uobcustomerservice@uob.com.my

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan program POWER! Pengurusan Wang Ringgit Anda. Program ini menyediakan maklumat berguna untuk menggalakkan pengurusan wang yang berhemat dan disiplin kewangan. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar untuk program ini, layari www.akpk.org.my atau hubungi 03-2616 7766.



Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Alamat:	Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
Tel:	1-300-88-5465
Faks:	03-21741515
E-mel:	bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTIS PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENUNAIKAN PEMBAYARAN BALIK BAKI YANG TERTUNGGAK DALAM PEMINDAHAN BAKI ANDA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini sah sehingga 17^{hb} Julai 2023.